

## **Minit mesyuarat bocor: DAP menuntut penjelasan PKR**

**MalaysiaKini.com**

**23 Ogos, 2012**

**Oleh Susan Loone**

DAP Pulau Pinang akan menuntut penjelasan rasmi daripada rakan kongsinya PKR berhubung kebocoran minit mesyuarat yang terbocor di Internet, didakwa mengandungi komen yang memperkecilkan setiausaha agung DAP Lim Guan Eng.

Pengerusi DAP negeri Chow Kon Yeow berkata, kandungan dokumen yang bocor itu turut mengandungi kenyataan ketua PKR negeri Datuk Mansor Othman yang menggelarkan Lim sebagai pemimpin "angkuh".

Beliau turut menafikan dakwaan pemimpin PKR tersebut, seperti yang dipetik dalam dokumen berkenaan, bahawa DAP ingin bertanding di lebih banyak kerusi di Pulau Pinang serta kemungkinan berlakunya pertembungan tiga penjuror dengan parti dalam Pakatan Rakyat.

"Segala komen berhubung susunan kerusi di Pulau Pinang yang dilaporkan dalam portal berita itu hanya dibuat dalam konteks perbincangan pilihan raya dalaman PKR dan tidak mencerminkan realiti sama sekali," kata Chow yang juga anggota majlis kerajaan negeri.

Chow mengulas laporan Malaysiakini hari ini yang memetik Mansor sebagai berkata, minit mesyuarat yang bocor itu sememangnya mencerminkan isu yang diambil berat oleh anggota parti itu.

Minit mesyuarat berkenaan, yang menyatakan dengan terperinci mesyuarat strategik PKR bertarikh 19 Mac itu dimuatkan dalam satu blog gelagatanwar.wordpress.com pada bulan Jun lalu.

Menurut dokumen tersebut, beberapa pemimpin PKR, termasuk Mansor membincangkan mengenai agihan kerusi untuk pilihan raya umum akan datang.

Dalam perbincangan itu, beberapa pemimpin PKR menyatakan kebimbangan mereka mengenai rundingan kerusi dengan DAP, parti yang paling dominan antara komponen Pakatan di negeri tersebut, dan juga kemungkinan berlaku pertandingan tiga penjuror.

Dalam dokumen itu juga, Mansor meyakinkan pemimpin bawahannya bahawa beliau tidak akan berganjak dan menggesa timbalan ketuanya, Law Choo Kiang untuk menyediakan senarai kedua – dengan sekurang-kurangnya 10 anggota berbangsa Cina sebagai persediaan sekiranya mereka perlu berdepan DAP dalam pertandingan tiga penjuror.

Ia turut menyatakan bahawa Mansor menyebut mengenai pengaruh calon Cina PKR sebagai "ancaman" kepada DAP.

Mansor dalam minit berkenaan juga menyatakan bahawa sukar untuk bekerjasama dengan Lim kerana ketua menteri itu semakin "angkuh", dan Lim juga dianggap sebagai "tokong" oleh golongan Cina tempatan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/206941>